



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

No 15 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2031 3003 (hunting line)  
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818  
Email : [council@malaysianbar.org.my](mailto:council@malaysianbar.org.my)

**Circular No 144/2011  
Dated 8 July 2011**

To all Members of the Malaysian Bar

**Implementation of E-Filing System in the Federal Court and Court of Appeal**

Kindly be informed that the e-filing system has been implemented in the Federal Court and the Court of Appeal beginning 16 June 2011.

Please find attached a set of guidelines on the e-filing system at the Federal Court and Court of Appeal, and the list of contact persons and their particulars in the event you require any assistance with regard to the system.

Thank you.

**Brendan Navin Siva  
Chairperson  
Court Liaison Committee**

**PEJABAT PENDAFTARAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
DAN  
PEJABAT PENDAFTARAN MAHKAMAH RAYUAN**

**NOTIS PEMBERITAHUAN ( e-Filing )**

1. Untuk makluman, mulai **16 Jun 2011 (Khamis)**, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan akan melaksanakan sistem e-Filing bagi dokumen-dokumen sivil yang difailkan di kedua-dua pejabat pendaftaran. Namun demikian, sistem e-Filing ini hanya boleh dilaksanakan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan bagi **kes-kes/rayuan-rayuan/permohonan-permohonan** yang mana pemfailan awal bagi kes-kes tersebut di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah yang dilaksanakan secara e-Filing bermula 1 Mac 2011.
2. Bagi kes-kes yang bermula dari Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah yang pemfailannya tidak menggunakan sistem e-Filing, prosedur yang terpakai pada masa ini adalah masih berkuatkuasa.
3. Bagi memudahkan pelancaran dan pelaksanaan e-Filing bagi perkara-perkara dinyatakan di **perenggan 1**, berikut adalah penerangan ringkas mengenainya.

**PEMFAILAN DOKUMEN DI PEJABAT PENDAFTARAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

Pemfailan boleh dilaksanakan dengan dua cara iaitu:

- a. Pemfailan secara dalam talian (online submission) daripada mana-mana pejabat.
- b. Pemfailan melalui Biro Perkhidmatan (Service Bureau) di kaunter Biro Perkhidmatan Mahkamah Persekutuan.

**Pemfailan secara dalam talian (online submission)**

- i. Bagi pemfailan dokumen yang memerlukan pembayaran deposit dibuat terlebih dahulu seperti Notis Rayuan dan Notis Usul Permohonan Kebenaran Merayu ke Mahkamah Persekutuan, bayaran secara 'online' (melalui e-payment) hanya terpakai untuk bayaran fee pemfailan sahaja.
- ii. Pembayaran deposit perlu dibuat secara manual di kaunter bayaran di Istana Kehakiman.
- iii. Pemprosesan Notis Rayuan secara 'online' akan ditangguhkan (hold in tray) sehingga bukti bayaran deposit dikemukakan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan.

- iv. Pemprosesan Notis Usul Permohonan Kebenaran Merayu ke Mahkamah Persekutuan secara 'online' akan ditangguhkan (hold in tray) sehingga bukti bayaran deposit dikemukakan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan.

Pemfailan melalui Biro Perkhidmatan (Service Bureau)

- i. Bagi pihak yang mahu menggunakan perkhidmatan Service Bureau, pihak-pihak perlu membuat bayaran pemfailan dan deposit secara manual di kaunter bayaran Istana Kehakiman.
- ii. Pihak-pihak dikehendaki membawa salinan 'soft copy' dokumen yang hendak difailkan dalam bentuk CD atau DVD.
- iii. Setiap satu CD/DVD **HENDAKLAH** hanya mengandungi dokumen-dokumen yang merujuk kepada satu kes sahaja.
- iv. Salinan 'hard copy' dokumen tidak akan diterima melainkan dokumen yang difailkan oleh litigan yang mewakili diri sendiri.

**PEMFAILAN DOKUMEN DI PEJABAT PENDAFTARAN MAHKAMAH RAYUAN**

Pemfailan boleh dilaksanakan dengan 2 cara iaitu:

- a. Pemfailan secara dalam talian (online submission) daripada mana-mana pejabat.
- b. Pemfailan melalui Biro Perkhidmatan (Service Bureau) di kaunter Biro Perkhidmatan Mahkamah Rayuan.

Pemfailan secara dalam talian (online submission)

- i. Bagi pemfailan dokumen yang memerlukan pembayaran deposit dibuat terlebih dahulu seperti Notis Rayuan, bayaran secara 'online' (melalui e-payment) hanya terpakai untuk bayaran fee pemfailan sahaja.
- ii. Pembayaran deposit perlu dibuat secara manual di kaunter bayaran di Mahkamah Tinggi di mana Notis Rayuan tersebut difailkan.
- iii. Pemprosesan dokumen secara 'online' akan ditangguhkan (hold in tray) sehingga bukti bayaran deposit dikemukakan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi berkenaan.

Pemfailan melalui Biro Perkhidmatan (Service Bureau)

- i. Bagi pihak yang mahu menggunakan perkhidmatan Service Bureau, pihak-pihak perlu membuat bayaran pemfailan dan deposit secara manual di kaunter bayaran Mahkamah Tinggi berkenaan.
- ii. Pihak-pihak dikehendaki membawa salinan 'soft copy' dokumen yang hendak difailkan dalam bentuk CD atau DVD.
- iii. Setiap satu CD/DVD **HENDAKLAH** hanya mengandungi dokumen-dokumen yang merujuk kepada satu kes sahaja.
- iv. Salinan 'hard copy' dokumen tidak akan diterima melainkan dokumen yang difailkan oleh litigan yang mewakili diri sendiri.

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan sila hubungi pegawai-pegawai berikut:

**Mahkamah Persekutuan**

<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan</b>	<b>No. Telefon &amp; Alamat e-mail</b>
Puan Jumirah binti Marjuki	Timbalan Pendaftar	03-88803947 <a href="mailto:jumirah@kehakiman.gov.my">jumirah@kehakiman.gov.my</a>
Puan Nor Aziati binti Jaafar	Timbalan Pendaftar	03-88803541 <a href="mailto:aziati@kehakiman.gov.my">aziati@kehakiman.gov.my</a>
Puan Khainur Aleeza binti Ismail	Timbalan Pendaftar	03-88804267 <a href="mailto:aleeza@kehakiman.gov.my">aleeza@kehakiman.gov.my</a>

**Mahkamah Rayuan**

<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan</b>	<b>No. Telefon &amp; Alamat e-mail</b>
Puan Kanageswari a/p Nalliah	Timbalan Pendaftar	03-88804050 <a href="mailto:kanageswary@kehakiman.gov.my">kanageswary@kehakiman.gov.my</a>
Puan Puan Wan Fatimah Zaharah binti Wan Yussof	Timbalan Pendaftar	03-88804053 <a href="mailto:fatimah@kehakiman.gov.my">fatimah@kehakiman.gov.my</a>
Puan Mursyida binti Abd Halim	Timbalan Pendaftar	03-88804183 <a href="mailto:mursyida@kehakiman.gov.my">mursyida@kehakiman.gov.my</a>
Tuan Ahmad Faizadh bin Yahaya	Timbalan Pendaftar	03-88809404 <a href="mailto:ahmadfaizadh@kehakiman.gov.my">ahmadfaizadh@kehakiman.gov.my</a>

Sekian dimaklumkan.

**AZIMAH BINTI OMAR**  
**Pendaftar**  
**Mahkamah Rayuan Malaysia**  
**PUTRAJAYA**